

CNS9042 .

U GB 11-05 00192 BB656

aab

Mahathir. Malaysia

KAMI BERJAYA KERANA MENGAMALKAN DEMOKRASI CARA KAMI

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BEIJING, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebahagian daripada kritikan Barat terhadap dasar Malaysia kini mengakui kesilapan mereka dan mengiktiraf negara ini sebagai antara contoh terbaik penyusunan semula masyarakat yang perlu diikuti oleh negara lain.

Perdana Menteri berkata banyak negara kini dinasihati supaya mencontohi Malaysia dengan menyatukan pertumbuhan ekonomi yang dinamik dengan pengagihan kekayaan ke arah egalitarianisme sosio-ekonomi antara suku kaum dan kumpulan sosial.

Semasa membentangkan ucapan dasar di hadapan pemimpin korporat utama dunia pada Mesyuarat Kemuncak China 1994, di sini Dr Mahathir mengingatkan bahawa pada tahun 70an dan 80an Malaysia dicerca dan dicemuh kerana Dasar Ekonomi Barunya.

Dasar yang diperkenalkan selepas rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada 1969 itu, bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memastikan keadilan sosial yang lebih baik.

"Kami sering didesak dan dinasihati supaya memansuhkannya. Kami sering dimarahi walaupun oleh golongan yang mereka sendiri sibuk mengagihkan semula kekayaan dengan cara paksaan sebagai contoh melalui pemilikan negara atau tindakan bersetuju," katanya. -- Lagi

▼11/05/20-42MST

U GB 11-05 00156 BB657

aab

Mahathir - Malaysia 2 Beijing

Beliau menambahkan: "Kami godek. Kami perbaiki. Kami pinda. Kami tukar apa yang tidak berjaya. Kami percepatkan. Kami perlahankan. Dan akhirnya selepas dicapai apa yang kami matlamatkan, kami membuat keputusan untuk tidak menyambunginya tetapi menggubal satu versi yang sedikit berubah dan kami namakan Dasar Pembangunan Negara."

Dr Mahathir berkata bagi orang luar ketika itu, para pemimpin Malaysia dianggap degil, keras hati dan keras kepala yang enggan mendengar dan menerima nasihat baik.

"Dan tentunya mereka berkata dalam nada kritikan "saya sudah ingatkan dulu" bahawa kami gagal dan terpaksa menukar haluan," katanya.

Perdana Menteri percaya bahawa apapun kejayaan Malaysia, ia tidak akan dicapai tanpa satu sistem kerajaan yang demokratik, satu bentuk demokrasi yang diamalkan sekarang.

"Jika kami mengamalkan secara semua sekali sistem demokrasi lain yang mungkin berjaya di tempat lain, kami mungkin hari ini menghadapi masalah yang besar," katanya. -- Lagi

▼11/05/20-56MST

U GB 11-05 00163 BB658

aab

Mahathir - Malaysia 3 Beijing

Sambil mengakui bahawa bentuk demokrasi di Malaysia masih jauh daripada sempurna, beliau berkata kerajaan telah secara khusus mengenalpasti "langkah ke arah demokrasi yang lebih liberal" yang dimasukkan dalam satu daripada rancangan Wawasan 2020.

Dr Mahathir memberitahu hadirin bahawa sejak sekian lama kebanyakan apa yang dicapai Malaysia mengikut satu sistem yang mana rakyat harus memnita nasihat daripada kuasa raja sebelum mereka boleh berbuat sesuatu.

Mengikut sistem nasihat ini, semua nasihat sama ada yang diminta atau tanpa diminta harus diikuti, katanya.

Beliau mengingatkan kembali bahawa jika seseorang mengkaji sejarah Malaysia, sebenarnya negara-negara Barat yang membantah rakyat Malaysia diberikan kebebasan dan demokrasi.

Sejak beberapa ratus tahun lepas, satu-satunya pemerintahan kuku besi yang dikenali rakyat Malaysia ialah di bawah pemerintahan Britaian yang dihentikan seketika oleh pemerintahan totalitarian Jepun.

Dr Mahathir berkata Malaysia amat bernasib baik kerana sejak kemerdekaan 37 tahun lepas, ia merupakan demokrasi yang berjaya. -- Lagi

▼11/05/21-12MST

CNS9059

U GB 11-05 00158 BR659

aab

Mahathir - Malaysia 4 (Akhir) Beijing

"Jika anda meneliti keadaan sekeliling, anda akan menyedari bahawa pertukaran politik daripada kerajaan kuku besi kepada kerajaan demokratik yang bebas, tidak mudah dicapai."

"Jika anda mempunyai penduduk pelbagai kaum pertukaran itu mungkin tidak dapat dicapai sama sekali," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada kesemua sembilan kerajaan pusat yang dipilih secara demokratik di Malaysia sejak merdeka yang berorientasikan masyarakat yang tidak percaya terhadap hak individu harus diutamakan daripada hak masyarakat.

"Dalam pilihan raya kami, peratus yang mengundi amat besar. Majoriti rakyat lantang bersuara tidak seperti di sesetengah negara demokratik Barat. Kami tidak mengamalkan politik yang berkonfrantasi. Kami lebih kepada persetujuan ramai."

"Akhbar kami tidak percaya bahawa adalah tugas mereka untuk menghantui ahli politik, berbohong dan mengamalkan sikap menjadi dalang politik."

"Rakyat mahukan cukup anggota pembangkang di Parlimen supaya pentadbiran sentiasa menjalankan tugas mereka," katanya. -- Bernama

ARES RON